

# 146,486 laporan pemantauan mutu air minuman diserahkan kepada KKM

Februari 16, 2022 @ 7:33pm



Foto hiasan. - NSTP/ARKIB

PUTRAJAYA: Jabatan Kimia Malaysia membekalkan 146,486 laporan pemantauan Program Pengawasan Kawalan Mutu Air Minuman Kebangsaan (KMAM) kepada Kementerian Kesihatan (KKM) tahun lalu, menurut Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Dalam kenyataan hari ini, MOSTI menjelaskan, laporan itu penting untuk kerajaan, khususnya KKM dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan orang ramai selaras dengan garis panduan dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu membekalkan air yang bersih, selamat serta berkualiti kepada pengguna.

Laporan itu dikeluarkan ibu pejabat Jabatan Kimia Malaysia dengan 34,101 laporan, negeri serta cawangannya, iaitu Johor (22,282), Perak (15,702), Kuching (10,782), Sibu (9,740), Pahang (9,714), Kelantan (8,680), Sabah (7,284), Pulau Pinang (7,037), Melaka (6,877), Kedah (6,091), Terengganu (4,990) dan Bintulu (3,206).

MOSTI berkata laporan yang dikeluarkan itu merangkumi analisis air mikrobiologi dan analisis air kimia.

"Keputusan analisis perlu bagi memastikan air minuman yang dibekalkan kepada rakyat adalah selamat dan bebas daripada penyakit bawaan air yang boleh membahayakan kesihatan serta memastikan kandungan bakteria dan kimia mematuhi piawaian yang telah ditetapkan," kata MOSTI.

MOSTI berkata, kerja-kerja analisis bagi pemantauan kualiti air minum tetap diteruskan oleh jabatan itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 tahun lalu memandangkan ia perkhidmatan perlu demi menjamin kesejahteraan rakyat.

"Laporan itu turut dimanfaatkan oleh syarikat pembekal air seperti Pengurusan Air Selangor, Syarikat Air Negeri Sembilan dan Syarikat Air Kelantan," kata kementerian itu. - BERNAMA